

17 MAR 2000

Mahathir-Korban

KORBAN DIRI DARI SIKAP YANG TIDAK BAIK, KATA DR MAHATHIR

PENDANG, 17 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam harus menghayati maksud sebenar ibadah korban yang mengajak umatnya supaya sanggup berpisah dengan perkara yang disayangi demi kebaikan pada masa depan.

Perdana Menteri berkata konsep korban bukan setakat menyembelih seekor lembu setahun sekali pada Aidiladha, tetapi ia menuntut setiap orang berkorban ke arah kebaikan pada setiap masa.

Katanya, setiap tahun ramai orang melakukan ibadah korban tetapi mereka masih belum dapat "korkbankan diri" daripada beberapa perkara tidak baik yang dilakukan selama ini.

Antara sikap tidak baik yang harus dikorban adalah sikap bermusuhan sesama Islam hanya kerana berlainan fahaman (politik), katanya.

"Kita mesti sanggup korban diri dengan meninggalkan fahaman salah yang dibawa pemimpin kita itu, yang akibat daripada fahaman itu telah memecahbelah sesama kita," katanya semasa berucap pada majlis sambutan Aidiladha di Masjid Kampung Paya Sena, di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata sekiranya umat Islam benar-benar menghayati maksud sebenar korban, mereka akan mendapat lebih banyak nikmat serta lebih maju.

Dr Mahathir berkata beliau amat sedih melihat sikap setengah umat Islam yang masih mengagungkan pemimpin seperti itu walaupun ia telah membawa perkara yang buruk.

"Walaupun kita buktikan bahawa perkara itu tidak betul, mereka tetap berkata ia betul kerana datangnya dari pemimpin mereka.

"Ada pula yang berpendapat bahawa orang yang bawa ajaran salah, perkara itu adalah antara dia dengan tuhan, dengan itu mereka mesti perlu terus sokong pemimpin berkenaan," katanya.

Beliau menyifatkan perbuatan itu sama seperti yang berlaku pada zaman jahiliah di negara Arab sebelum kedatangan Islam, di mana masyarakat di sana berpuak-puak dengan setiap puak dipimpin seorang kabilah.

"Apa sahaja, termasuk perkara buruk yang dilakukan kabilah adalah betul bagi pengikutnya," katanya.

Dr Mahathir berkata adalah amat malang kerana maksud sebenar ibadat korban yang dilakukan setiap tahun tidak mendatangkan kebaikan kepada umat Islam dari segi perpaduan.

"Setiap tahun kita melakukan ibadah korban, tetapi sayangnya sikap buruk masih berlarutan," katanya.

Turut hadir pada majlis itu adalah Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain serta isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Perdana Menteri turut bersembahyang jumaat di masjid itu. Beliau dijadualkan berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang ini.

-- BERNAMA

MZM JM zb